

ISU DAN MASALAH BEKALAN AIR DOMESTIK PADA PRU14
(THE ISSUES AND PROBLEM OF DOMESTIC WATER SUPPLY ON GE2018)

Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor

Abstrak

Isu dan masalah bekalan air domestik ketika Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) mempunyai kepentingan sendiri kepada setiap parti politik yang bertanding di seluruh Malaysia. Ini kerana isu yang dinyatakan dilihat mengganggu kehidupan penduduk di negeri Pahang, Selangor, Kedah dan Kelantan sejak sekian lama. Malah isu dan masalah bekalan air dilihat turut menjadi penentu kepada kemenangan dan kekalahan sesebuah parti politik di Malaysia. Oleh itu, makalah ini akan menonjolkan pengaruh isu dan masalah bekalan air pada PRU14 yang membawa kepada kemenangan dan kekalahan parti politik di setiap negeri yang nyatakan. Penyelidikan ini akan menganalisis isu dan masalah bekalan air di negeri terpilih sehingga PRU14. Kemudian mengenal pasti tawaran dan janji membaiki kemudahan bekalan air melalui manifesto setiap parti politik yang bertanding di negeri yang dinyatakan. Seterusnya menilai manifesto yang dijanjikan oleh setiap parti politik yang bertanding sama ada mempengaruhi penduduk atau sebaliknya pada keputusan PRU14. Penyelidikan ini bermula sebelum berlangsungnya PRU14 kerana pelbagai isu dan masalah bekalan air telah dilaporkan berlaku di setiap negeri yang dinyatakan oleh media nasional negara sehingga menjelang PRU14. Penyelidikan ini berakhir selepas keputusan PRU14 diumumkan kerana reaksi dan pilihan penduduk di negeri yang mempunyai masalah bekalan air yang serius dapat diketahui dengan tepat, terperinci dan jelas. Penyelidikan ini menggunakan bahan dan data dari Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah / Perlis, Perpustakaan Awam negeri Kedah, Syarikat Air Darul Aman (SADA), Perpustakaan Utama Universiti Malaya, akademik jurnal, akhbar nasional negara dan temu ramah bersama responden yang berkaitan. Hasil kajian ini mendapati sememangnya isu dan masalah bekalan air dilihat menjadi antara faktor utama kemenangan dan kekalahan sesebuah parti politik di negeri yang dinyatakan pada PRU14.

Kata kunci: Bekalan air, domestic, PRU14, manifesto, pembangunan

Abstract

The issues and problems of domestic water supply in the 14th General Election (GE2018) have their own interest to each party in the GE2018. This is because it has disturbed the lives of residents in Pahang, Selangor, Kedah and Kelantan for a long time and became one of the major manifesto of every political party that competed in the GE2018 in the stated state. Even issues and problems of water supply are seen as a determinant of the victory and defeat of a political party in several states in Malaysia. Therefore, this paper will highlight the influence of issues and problems of water supply in GE2018 to the victory and defeat of political parties in each state that stated. This research will analyze the issues and

problems of water supply in selected states until GE2018. Then identify the offer and promise to improve the water supply facility through the manifesto of each political party that competed in the stated state. And last, to evaluate the manifesto promulgated by any political party contesting whether it affects the population or not against the result of the GE2018. This research started before GE2018 because the current issues and water supply issues were reported throughout in each of the stated states until GE2018. This research ends after the result of the GE2018 announced because the reaction and choice of the citizen can be known especially in a state with serious water supply problems. This research employed materials and data from National Archives of Kedah/Perlis Branch, Kedah Public Library, University of Malaya Library, Kedah Water Company (SADA), national newspaper, academic journals and interviews with related respondents. Research has found that issues and problems of water supply are seen as a major factor for the victory and defeat of a political party in the state in the GE2018.

Keywords: *Water supply, domestic, manifesto, GE2018, development*

PENGENALAN

Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) yang berlangsung pada 9 Mei 2018 dilihat telah membawa perubahan yang besar terhadap landskap politik negara pada masa kini. PRU14 telah menyaksikan Pakatan Harapan (PH) telah berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan yang baru apabila memenangi 121 kerusi parlimen berbanding Barisan Nasional (BN) yang memenangi 79 kerusi parlimen, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sebanyak 18 kerusi parlimen, Parti Solidariti Tanah Airku sebanyak 1 kerusi parlimen, dan Bebas sebanyak 3 kerusi parlimen (*Berita Harian* 2018a). PH dilihat tidak hanya berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan semata-mata malah berjaya menguasai beberapa negeri misalnya negeri Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Kedah dan lain-lain lagi. Antara kerusi parlimen yang mendapat perhatian nasional di Malaysia ialah P4 Langkawi apabila Tun Dr. Mahathir telah berjaya memenangi kerusi parlimen tersebut dengan 18,954 undi menewaskan calon BN, Dato' Ir Nawawi bin Ahmad dengan 10,061 undi dan calon PAS, Zubir Bin Ahmad dengan 5,512 undi (SPR 2018). Selain itu, Dato' Seri Najib Tun Razak turut memenangi kerusi P85 Pekan dengan 43,854 undi menewaskan calon PKR, Muhd Zahid Md Arip dengan 7,662 undi, calon PAS, Kapten (B) Ahiatudin bin Daud dengan 18,995 undi dan calon Bebas, Abd Kadir bin Sainudin dengan 103 undi (Utusan Malaysia 2018).

Kemenangan PH di peringkat persekutuan dan negeri disebabkan BN tidak lagi berjaya mempengaruhi pendapat awam dan seterusnya menyakinkan pengundi untuk menyokong isu-isu yang diperjuangkan oleh mereka pada PRU14 (Rahim 2010). Sebaliknya rakyat Malaysia menginginkan perubahan dalam struktur pentadbiran negara dan mereka melihat BN tidak lagi mampu menyelesaikan isu dan masalah awam dengan baik melalui pengalaman yang diberikan selama 60 tahun sebelum ini. PH dilihat bernasib baik berbanding PAS kerana diberi kepercayaan oleh penduduk Malaysia menerajui pemerintahan negara walaupun sokongan terhadap PAS dilihat bertambah ekoran penambahan jumlah kerusi parlimen menjadi 155 kerusi parlimen yang dipertandingkan PAS pada PRU14 kali ini (Shukrimun 2018). Kemenangan PH pada PRU14 disebabkan penduduk di negara ini secara keseluruhan tertarik dengan tawaran dan janji PH pada PRU14 yang menawarkan untuk meningkatkan taraf hidup dan kehidupan yang lebih baik dari pemerintahan sebelum ini. Misalnya PH dilihat berjanji akan menghapuskan cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada manifesto mereka. Tawaran sebegini sememangnya dapat menarik perhatian penduduk Malaysia ekoran mereka terbeban dengan pelaksanaan GST di Malaysia yang menyebabkan banyak harga barang dan perkhidmatan naik dengan mendadak. Rakyat berpendapat sekiranya PH memenangi PRU14, pelaksanaan GST terhapus dan harga barang serta perkhidmatan akan turun, akhirnya dapat mengurangkan bebanan perbelanjaan mereka setiap hari.

Skandal negara seperti GST, 1MDB, FELDA, PTPN, National Feedlot Corporation (NFC), figura Tun Dr. Mahathir dan lain-lain lagi dilihat sebagai isu nasional yang kerap disensasikan dan mendapat tempat sehingga PRU14. PH kerap mensensasikan isu nasional

berkenaan sebagai senjata utama mereka menyerang Kerajaan BN, manakala PAS dilihat mengambil pendirian berkecuali, sebaliknya menerima penjelasan oleh presiden dan Pengarah Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy mengenai pelan rasionalisasi yang dicadang bagi mengatasi kemelut 1MDB (Siti Nursyahidah Abu Bakar 2018). Manakala BN dilihat cuba mengalih perhatian rakyat dengan banyak melakukan serangan peribadi kepada Tun Dr. Mahathir melalui TV3, RTM, Astro Awani selain menggunakan platform media cetak seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, dan Harian Metro. Lanjutan daripada itu, BN, PH dan PAS dilihat bersepakat menjadikan isu nasional negara sebagai intipati utama dalam menawarkan penyelesaian terbaik pada PRU14. Secara ringkasnya, merujuk kepada manifesto umum PH, mereka dilihat berjanji akan menyiasat dan membongkar skandal negara yang dinyatakan sekiranya ditakdirkan membentuk Kerajaan Persekutuan selepas itu (Nur Lela Zulkipli 2018). Manakala PAS dilihat berjanji akan menghapuskan hutang PTPTN dan BN dilihat akan membuka peluang pekerjaan yang lebih luas (Fuad Ahmad 2018).

Dakwaan ini turut disokong oleh penganalisis politik terkenal di Malaysia, Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani dalam temu bual bersama Berita Harian pada 11 Mei 2018 yang menyatakan isu nasional seperti 1MDB, GST, pengaruh Tun Dr. Mahathir dan lain-lain lagi membawa kepada kemenangan PH di negeri Kedah, Perak, Johor dan Selangor serta di peringkat persekutuan (Ahmad Zaini Kamaruzzaman 2018). Walaupun penganalisis politik dan media nasional negara dilihat bersetuju dan kerap menghangatkan pentas arena politik negara dengan mensensasikan isu nasional yang dinyatakan, masih terdapat beberapa isu nasional lain yang mendapat tempat pada PRU14. Masalah bekalan air dilihat merupakan antara isu nasional yang setanding dengan skandal utama negara kerana dilihat sebagai isu sepanjang zaman dan sangat menyusahkan para penduduk disebabkan bekalan air merupakan keperluan dalam hidup serta digunakan dalam pelbagai prospek kehidupan. Kepentingan isu dan masalah bekalan air dilihat turut dijadikan sebagai salah satu manifesto utama oleh parti-parti politik yang bertanding pada PRU14 dan keadaan ini membuktikan isu berkenaan sememangnya mempunyai kepentingan tersendiri kepada parti-parti politik berkenaan dan juga rakyat Malaysia.

Air merupakan keperluan hidup kepada manusia dan hidupan lain di dunia. Air dilihat digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan misalnya dalam bidang pertanian, industri, kegunaan domestik dan lain-lain lagi. Sejak dari zaman dahulu lagi, bekalan air boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bekalan air domestik dan bekalan air bukan domestik. Berdasarkan Seksyen 18, Bekalan Air, Enakmen No. 130, bekalan air bagi kegunaan domestik dapat diertikan sebagai "bekalan air penggunaan di rumah, tidak termasuk bekalan air bagi kerbau, lembu yang disimpan untuk dijual, disewa atau penghasilan daripada susu atau bagi mencuci kereta yang disimpan untuk dijual atau disewa dengan tidak termasuk bagi pekerjaan, pembuatan atau perniagaan atau pemancar, tempat berenang atau bagi menyiramkan tanah atau bagi maksud perhiasan atau bagi maksud tali air (P.S.U (KEDAH) 383-1376). Secara lebih jelas, bekalan air domestik merupakan bekalan air yang diguna dalam kawasan kediaman penduduk manakala bekalan air bukan domestik ialah bekalan air yang digunakan untuk tujuan selain domestik misalnya untuk pertanian, penternakan, kegunaan awam, perdagangan dan lain-lain lagi (Nik Fuaad Nik Abllah 1990). Bekalan air domestik dilihat disesuaikan dengan persekitaran, geografi dan kaedah pengurusan bagi memperoleh bekalan air yang baik untuk kehidupan manusia.

Isu dan masalah bekalan air di seluruh negara dilihat bukannya satu permasalahan sosial yang baru dan dilihat kerap berlaku di beberapa buah negeri di Malaysia sehingga PRU14. Banyak negeri seperti Kedah, Kelantan, Selangor, Pahang dan lain-lain lagi dilaporkan mengalami gangguan bekalan air yang serius walaupun tidak mendapat liputan yang meluas oleh media nasional di negara kita. Sebaliknya mereka lebih memfokuskan kepada permasalahan bekalan air di negeri Selangor ekoran manipulasi BN terhadap media nasional di Malaysia dan Selangor merupakan negeri yang dikuasai oleh parti pembangkang pada ketika itu. Namun Sinar Harian dan Malaysiakini dilihat bersikap lebih adil ekoran turut melaporkan masalah kekurangan bekalan air di negeri di bawah penguasaan Kerajaan BN. Selain itu, dengan akses jaringan maklumat yang tiada batasan, masalah bekalan air di seluruh negara dapat diketahui dengan lebih cepat, terperinci dan telus melalui *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan lain-lain lagi. Ini kerana rakyat Malaysia pada masa kini gemar

berkongsi maklumat mengenai peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka di media sosial supaya yang lain turut sama mengetahui perkembangan peristiwa berkenaan dengan cepat dan jelas. Disebabkan itu, isu bekalan air di beberapa negeri misalnya di Kedah, Kelantan dan Pahang turut dapat diketahui dengan cepat walaupun media nasional negara tidak melaporkan dengan jelas mengenai situasi tersebut. Secara keseluruhannya, isu dan masalah bekalan air di seluruh Malaysia dilihat menjadi antara isu nasional terpenting pada PRU14 dan rakyat Malaysia di beberapa negeri tertentu dilihat mengalami masalah bekalan air yang serius serta tidak berkesudahan.

Melalui kenyataan yang diberikan penyelidikan ini bertujuan untuk menonjolkan pengaruh isu dan masalah bekalan air pada PRU14 di negeri Kedah, Pahang, Selangor dan Kelantan. Lanjutan daripada itu, artikel ini menyediakan persoalan kajian dan objektif kajian sebagai garis panduan menjawab permasalahan yang telah dikemukakan. Berikutan itu, terdapat tiga persoalan kajian yang diusulkan misalnya bagaimanakah isu dan masalah bekalan air yang berlaku di negeri terpilih sehingga PRU14? Parti politik manakah yang bertanding pada PRU14 dan menawarkan manifesto membangunkan sistem bekalan air di negeri-negeri yang dinyatakan? Adakah isu dan masalah bekalan air memberi implikasi kepada keputusan PRU14 di negeri yang dinyatakan? Penyelidikan ini juga turut menyenaraikan tiga objektif kajian misalnya akan menganalisis isu dan masalah bekalan air di negeri terpilih sehingga PRU14, mengenal pasti tawaran dan janji membaiki kemudahan bekalan air melalui manifesto setiap parti politik yang bertanding di negeri yang dinyatakan. Seterusnya menilai manifesto yang dijanjikan oleh setiap parti politik yang bertanding sama ada mempengaruhi penduduk atau sebaliknya pada keputusan PRU14.

Penyelidikan ini bertemakan isu politik semasa dan menggunakan pendekatan kualitatif. Penggunaan sumber primer dan sekunder merupakan antara yang menjadi kepentingan kepada penyelidikan ini supaya ianya dapat menjawab setiap permasalahan kajian yang dikemukakan di bahagian awal pengenalan. Sumber primer diperoleh melalui Arkib Negara Cawangan Kedah/Perlis, Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Syarikat Air Darul Aman (SADA), akhbar nasional negara, jurnal *online* dan lain-lain lagi. Penyelidikan ini mempunyai kepentingan yang tersendiri kerana pengaruh isu dan masalah bekalan air pada PRU14 dilihat tidak difokuskan dengan begitu mendalam sedangkan isu yang dinyatakan ini merupakan keperluan asas kehidupan berbanding isu-isu nasional lain di seluruh Malaysia. Melalui penyelidikan ini akan mengangkat dan memberi pandangan baru terhadap kepentingan isu dan masalah bekalan air yang membawa kepada kemenangan dan kekalahan pada PRU14 di negeri yang dinyatakan.

ISU DAN MASALAH BEKALAN AIR DI MALAYSIA SEHINGGA PRU14

Penyelidikan ini telah mengenal pasti beberapa negeri misalnya negeri Kedah, Selangor, Kelantan dan Pahang yang kerap menghadapi masalah bekalan air sehingga berlangsungnya PRU14. Setiap masalah dan isu bekalan air yang berlaku di setiap negeri yang dinyatakan dilihat agak serius dan menjadi tanggungjawab kerajaan negeri dengan bantuan Kerajaan Persekutuan bagi menyelesaikan masalah bekalan air dari terus membelenggu penduduk di negeri-negeri yang dinyatakan. Isu dan masalah bekalan air di negeri Kedah misalnya telah dilaporkan sejak sekian lama dan Syarikat Air Darul Aman (SADA) sendiri mengakui menerima aduan sebanyak 2, 000 panggilan ketika musim perayaan pada tahun 2017 (Morganan 2017). Jumlah aduan yang sangat tinggi ini menunjukkan hampir keseluruhan di Kedah mempunyai masalah bekalan air. Penduduk Kedah yang mengalami masalah bekalan air dilihat telah kembali bergantung kepada perolehan bekalan air secara semula jadi dan keadaan sebegini dilihat seperti sebelum kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang memperlihatkan British berusaha mengubah kebergantungan penduduk Kedah terhadap sumber bekalan air berkenaan dengan melaksanakan pelbagai projek bekalan air sehingga tahun 1957 (Public Work Department 1934). Temu bual yang dijalankan bersama dengan Puan Che Sham binti Ramli, 57 tahun yang tinggal di Kg. Pancur, Pokok Sena memberitahu sudah sepuluh tahun beliau dan penduduk kampung tidak mendapat akses bekalan air di kediaman mereka. Ekoran itu, beliau sudah tidak lagi melanggan perkhidmatan bekalan air di kediaman beliau dan bergantung sepenuhnya terhadap bekalan air dari telaga yang di pam setiap hari bagi digunakan untuk tujuan domestik beliau sekeluarga.

Isu dan masalah kekurangan bekalan air di Kedah berlaku disebabkan kelemahan pengurusan kerajaan negeri dalam menguruskan pentadbiran bekalan air di negeri Kedah sejak sekian lama. Kerajaan Kedah terdahulu dilihat gagal menyediakan pelan rancangan bekalan air pada masa hadapan yang dapat menyelesaikan permasalahan bekalan air pada masa kini. Kegagalan dalam menyediakan rancangan dan transformasi sistem bekalan air akan memberi implikasi pada masa hadapan dan mengganggu kehidupan manusia. Kegagalan ini dapat dilihat apabila banyak paip saluran air tidak ditukar sejak sekian lama dan telah mengurangkan kuantiti serta kualiti bekalan air bersih di negeri ini. Ekoran dari itu, banyak lokasi di Kedah mengalami masalah kekurangan bekalan air dan dilihat bergantung sepenuhnya terhadap perolehan bekalan air melalui sumber semula jadi seperti telaga dan air dari bukit (Sinar Harian 2017a). Situasi yang tidak berkesudahan ini telah menyebabkan timbulnya rasa panik dalam kalangan penduduk di negeri berkenaan terutamanya apabila tibanya musim perayaan setiap tahun (Utusan Malaysia 2017).

Isu dan masalah kekurangan bekalan air di Kelantan dilihat agak serius ekoran kegagalan Air Kelantan Sendirian Berhad (AKSB) memberikan perkhidmatan bekalan air yang baik kepada penduduk di negeri berkenaan. Negeri Kelantan dilihat mencatat gangguan bekalan air yang serius pada tahun 2016 apabila 2, 000 orang penduduk di Kg. Tualang, Bendang Pak Yong, Simpangan dan Kubang Sawa terpaksa membeli bekalan air dari lokasi lain ekoran kediaman mereka mengalami masalah bekalan air yang sangat serius. Malah ada dalam kalangan mereka terpaksa menggunakan air parit dan sungai yang masin kerana tiada pilihan lain dalam perolehan bekalan air (Rosmiza Kasim 2016). Lanjutan daripada masalah tersebut dan beberapa laporan masalah bekalan air di beberapa lokasi lain di negeri Kelantan, AKSB dilihat telah melaksana projek telaga jejari yang menggunakan sistem penyusupan tebing sungai (RBF) dan telaga pengumpul menegak (HCW) di Sungai Bagan yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah bekalan air di beberapa jajahan di negeri tersebut. Pembinaan telaga dapat dimanfaatkan oleh kira-kira 200, 000 pengguna dan dijangka siap pada November, 2017 (Azuan Ab Rahman 2017). Temu bual telah dijalankan bersama Puan Sariah Shaary, 30 tahun yang kini tinggal di Kampung Stan Bela Hulu, Ketereh, Kota Bharu, Kelantan. Beliau memberitahu, penduduk di kampung beliau kebanyakannya menggunakan sumber air telaga bagi kegunaan aktiviti harian. Sekiranya ada penduduk yang menginginkan perkhidmatan bekalan air moden, penduduk terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang agak tinggi untuk tujuan tersebut dan kadang kala bekalan air yang di salur tidak sampai ekoran tekanan air yang rendah. Maka melalui situasi tersebut, penduduk di kampung beliau memilih untuk terus menggunakan sumber bekalan air dari telaga yang diyakini masih bersih dan terpelihara kualitinya.

Kerajaan Kelantan di bawah kepimpinan PAS Kelantan menyatakan isu masalah bekalan air di negeri berkenaan sengaja disensasikan oleh Kerajaan Persekutuan bagi menunjukkan kononnya Kerajaan Kelantan tidak berupaya mengurus pentadbiran bekalan air dengan baik seterusnya menarik sokongan penduduk Kelantan mengundi BN pada PRU14 nanti. Kerajaan Kelantan turut menyalahkan Kerajaan Persekutuan yang menyebabkan negeri berkenaan mengalami masalah bekalan air yang serius ekoran tindakan Kerajaan Persekutuan membekukan pinjaman bekalan air dari tahun 1990 sehingga tahun 2000. Ekoran itu, kerja menaiktarafkan loji-loji air di keseluruhan negeri Kelantan tidak dapat dilaksanakan seperti negeri lain kerana Kerajaan Kelantan tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk menyediakan paip dan tangki air yang baru (Zailanni Amit 2017). Kerajaan Kelantan dilihat tidak mempunyai pilihan lain malah terpaksa membiarkan loji-loji air di negeri tersebut beroperasi melebihi kemampuan sehingga mengganggu pengeluaran dan mutu bekalan air dalam tempoh yang dinyatakan (Harakah 2018). Implikasinya, ianya mengganggu perkembangan kependudukan di negeri ini sedangkan Kerajaan Kelantan dilihat berusaha menjaga kebajikan penduduk mereka disebabkan faktor guna tenaga dalam sektor pembangunan ekonomi di negeri berkenaan.

Isu dan masalah bekalan air di Pahang dilihat agak senyap dan tidak mendapat liputan oleh RTM, Bernama dan TV3 (Amanahdaily 2018). Namun isu dan masalah bekalan air di Pahang dapat diketahui dengan lebih lanjut melalui Sinar Harian, Suara Keadilan dan Amanahdaily yang dilihat sentiasa menyediakan laporan berita mengenai keadaan semasa bekalan air di Pahang berbanding akhbar nasional yang lain. Masalah bekalan air di Pahang dilihat agak serius apabila beberapa kampung di Kuantan dilaporkan mengalami gangguan bekalan air sejak beberapa tahun lalu. Situasi

tersebut dilihat bertambah sukar apabila penduduk terlibat terpaksa membayar bil air sebanyak RM 70 hingga RM 80 sebulan, berbanding kadar semasa beberapa tahun lalu, di bawah RM 20. Ini kerana penduduk menyatakan pancur air di kediaman mereka hanya mengeluarkan angin bukannya air dan jumlah bil air yang meningkat dilihat tidak munasabah serta tidak masuk akal (Nik Amirulmu'min Nik Min 2017). Lanjutan daripada itu, pada tahun 2018, Sinar Harian melaporkan sebanyak 80,000 orang pengguna bekalan air di Pahang terjejas ekoran berlakunya masalah bekalan air di Kuantan lebih dari seminggu. Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) menyatakan gangguan bekalan air disebabkan paras air sungai di Muka Sauk Kobat yang telah surut secara mendadak dan menyebabkan gangguan terhadap sumber bekalan air mentah di negeri berkenaan (Norawazni Yusof 2018). Temu bual telah dijalankan bersama Puan Norlizawati Yahya, 35 tahun yang kini tinggal di Taman Balok Perdana, Kuantan, Pahang. Di lokasi kediaman beliau sering mengalami gangguan bekalan air ekoran paip saluran air yang kerap pecah dan bocor sehingga mengganggu aktiviti harian penduduk. Kadang kala gangguan bekalan air berlarutan sehingga seminggu lamanya namun tiada laporan media yang dibuat oleh pengamal media berkenaan isu ini walaupun isu masalah bekalan air dilaporkan serius berlaku di Pahang.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh menyalahkan Kerajaan Pahang ekoran kegagalan memastikan penduduk Pahang memperoleh bekalan air yang baik. Malah Fauziah telah bertindak membuat satu laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kepincangan dalam projek bekalan air di Pahang sebelum PRU14. Secara keseluruhannya, isu dan masalah bekalan air di Pahang berlaku kerana penggunaan peralatan lama yang menjejaskan pengeluaran bekalan air. Disebabkan faktor keluasan negeri Pahang yang merupakan negeri paling besar di Semenanjung Malaysia, kos yang besar diperlukan bagi penggantian peralatan lama di seluruh negeri tersebut. Pada tahun 2018, Pahang memperuntukkan sejumlah dana yang besar daripada bajet tahunannya untuk kos pengurusan bekalan air di negeri ini. Namun disebabkan dana tidak mencukupi, kerja-kerja pembaikan dan penggantian berjalan secara perlahan dan tidak memuaskan (Malaysia Dateline 2018).

Isu dan masalah bekalan air di Selangor dilihat sangat popular dan mendapat tempat di dada akhbar nasional di Malaysia. Ini kerana Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS) tidak hanya menyalurkan bekalan air di Selangor semata-mata, malah turut menyalurkan bekalan air di Kuala Lumpur. Setiap hari rakyat Malaysia disajikan dengan pelbagai laporan berita mengenai isu dan masalah bekalan air di Selangor dan Kuala Lumpur. Malah, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak sendiri menyatakan dengan jelas bahawa masalah air di Selangor adalah lebih teruk berbanding isu 1MDB (Koh 2018). Keadaan ini telah menyebabkan Kerajaan Selangor menjadi sasaran dalam manipulasi berita yang berat sebelah dalam hal berkaitan isu dan masalah bekalan air di negeri tersebut. Namun, Kerajaan Selangor dilihat masih lagi mempunyai medium lain bagi menafikan segala dakwaan yang dirasakan berat sebelah dan tidak benar melalui Malaysiakini, Sinar Harian, Suara Keadilan dan lain-lain lagi. Kerajaan Persekutuan kerap menyalahkan Kerajaan Selangor di atas masalah kekurangan bekalan air yang berlaku di Selangor dan Kuala Lumpur. Misalnya Kerajaan Persekutuan menyatakan masalah bekalan air yang berlaku pada bulan Mac 2018 disebabkan kelemahan pengurusan air oleh Kerajaan Selangor ekoran pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan kemudian disusuli dengan insiden sistem mampatan udara di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3) yang pecah (Sinar Harian 2018a). Keadaan ini telah menyebabkan gangguan bekalan air di beberapa lokasi di Lembah Klang dan mendapat liputan yang meluas oleh TV3 dan Bernama (Sinar Harian 2018b). Asas kepada masalah dan isu masalah bekalan air di Selangor ialah disebabkan paip agihan air yang sudah lama dan berada dalam tekanan yang tinggi ekoran keperluan air di Selangor dan Kuala Lumpur yang semakin meningkat dari semasa ke semasa. Lanjutan daripada itu, jumlah bekalan air yang dihasilkan telah melebihi kapasiti bekalan air yang mampu dihasilkan oleh loji rawatan air di Selangor. Banyak paip saluran air tidak ditukar sejak dahulu lagi sehingga menyebabkan paip tersebut pecah dan mengalami kerosakan yang teruk. Loji rawatan air di Selangor turut dilaporkan tidak diselenggarakan dengan baik oleh SYABAS sehingga ianya telah menjadi modal politik bagi Kerajaan Persekutuan di bawah kepimpinan BN (Isham Jalil 2018). Namun bagi ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli beliau dilihat telah menafikan segala berita yang dikatakan tidak benar mengenai situasi sebenar bekalan air di Selangor dan Kuala Lumpur. Beliau turut menyatakan gangguan bekalan air bermula yang berlaku di

seluruh Selangor disyaki taktik berterusan BN mensabotaj Kerajaan Selangor bagi meniup api kebencian para penduduk terhadap kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan sememangnya dilihat memanipulasikan isu air Selangor bagi meraih semula kepercayaan penduduk Selangor kepada kepimpinan BN Selangor dan Kerajaan Persekutuan (Masdar Wahid 2017).

Temu bual yang dijalankan dengan Puan Ummi Kalthum binti Abdullah, 32 tahun yang tinggal di Dengkil, Selangor memberitahu isu sebenar mengenai bekalan air di Selangor tidak seperti yang disensasikan oleh Utusan Malaysia dan TV3. Ini kerana Kerajaan Selangor dilihat sentiasa menjaga kebajikan penduduknya dan sekiranya gangguan bekalan air berlaku di negeri berkenaan, notis pemberitahuan gangguan bekalan air akan dikeluarkan dengan awal untuk makluman para penduduk. Langkah ini dilakukan supaya para penduduk boleh bersedia dengan sebarang kemungkinan dan lori tangki muatan air akan digerakkan ke kawasan sasaran secara berkala. Puan Ummi turut memberitahu yang beliau sangat berpuas hati dengan pemberian air percuma di bawah penggunaan 20 m³ kepada seluruh penduduk Selangor sejak tahun 2008 dan mengurangkan bebanan perbelanjaan beliau sekeluarga setiap bulan.

ISU DAN MASALAH BEKALAN AIR PADA MANIFESTO PRU14

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah mengumumkan PRU14 akan diadakan di seluruh Malaysia pada 9 Mei 2018. Penamaan calon telah ditetapkan pada 28 April 2018 dan tempoh berkempen adalah bermula dari tarikh penamaan calon sehingga pukul 11.45 malam pada 8 Mei 2018 (Mstar Online 2018). Bahang PRU14 di seluruh negara dilihat sangat meriah dan mendebarakan apabila pilihanraya kali ini melibatkan pertemuan 3 penjurong ekoran PAS bertindak keluar dari Pakatan Rakyat (PR) dan PH telah dibentuk melalui gabungan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Parti Keadilan Malaysia (PKR), Parti Amanah Negara (PAN) dan Democratic Action Party (DAP). Walaupun masih terdapat parti politik lain yang bertanding di PRU14, namun tumpuan nasional dilihat lebih bertumpu ke atas pertembungan antara PAS, BN dan PH.

PRU14 juga dilihat sebagai penentu hala tuju dan masa depan negara kerana parti politik yang bertanding dilihat sangat bersungguh-sungguh memenangi hati rakyat dan acap kali memainkan isu-isu yang melibatkan kepentingan semua pihak di Malaysia demi meraih undi serta sokongan penduduk di Malaysia. Malah Ketua Wanita UMNO pada ketika itu, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil menyifatkan PRU14 sebagai ibu segala pilihanraya kerana pilihanraya kali ini lebih sensasi, mencabar dan sengit (Malaysiakini 2017). Hegemoni BN yang sekian lama memerintah Malaysia akan teruji melalui suara dan pilihan rakyat Malaysia pada PRU14. BN, PAS dan PH dilihat tidak mengambil pendekatan yang mudah untuk memancing undi dalam kalangan penduduk di negeri tersebut. Ini kerana, para penduduk masa kini lebih agresif dan cakna dengan perubahan persekitaran yang melibatkan alam sekitar dan kepentingan hak asasi manusia. Maka dengan itu, isu alam sekitar dan sosioekonomi seperti isu bekalan air sentiasa mendapat tempat pada setiap pilihan raya kerana isu ini merupakan keperluan hidup serta melebihi kepentingan lain. Hak asasi manusia yang dinafikan akan mengganggu kehidupan manusia dan para penduduk dilihat wajar berasa panik kerana kepentingan mereka tidak diselesaikan dengan baik sejak sekian lama.

Merujuk kepada tawaran utama manifesto PH, PAS dan BN pada PRU14, secara keseluruhannya langsung tidak menyentuh mengenai tawaran untuk meningkatkan tahap penggunaan air yang meluas di seluruh Malaysia. PAS melalui Manifesto Malaysia Sejahtera dilihat menawarkan 9 Teras, 20 tawaran utama dan tawaran khas kepada kumpulan sasaran dalam bentuk polisi dan solusi yang dilihat mampu menyelesaikan masalah bebanan rakyat di Malaysia (Manifesto Malaysia Sejahtera 2018). PH melalui Buku Harapan Membina Negara Memenuhi Harapan lebih memfokuskan terhadap lima teras utama untuk menyelamatkan Malaysia dan menggariskan 10 janji yang akan dilaksanakan dalam masa 100 hari pertama sekiranya membentuk kerajaan Persekutuan (Buku Harapan Membina Negara Memenuhi Harapan 2018). Manakala BN dilihat memberi fokus penuh terhadap golongan belia melalui TN50 dan Janji Orang Muda sekali gus menawarkan peluang pekerjaan yang luas kepada golongan berkenaan (Manifesto Barisan Nasional 2018). Sememangnya manifesto BN, PAS dan PH dilihat tidak memberi keutamaan kepada aspek pembangunan bekalan air di Malaysia pada PRU14. Situasi tersebut tidak bermakna parti politik

berkenaan tidak cakna terhadap perkembangan bekalan air di negara kita namun pengurusan bekalan air adalah terletak di bawah tanggungjawab kerajaan negeri walaupun Kerajaan Persekutuan memulakan proses merealisasikan era baru perkhidmatan air negara sejak Januari 2005 dengan meminda Perlembagaan Persekutuan di mana perkara berkaitan bekalan dan perkhidmatan air dipindahkan dari Senarai Negeri ke Senarai Bersama (Malaysiakini 2010). Sememangnya adalah menjadi tanggungjawab parti politik negeri menawarkan manifesto yang menarik bagi menyediakan kemudahan bekalan air yang baik dan lengkap kepada para penduduk. Tawaran untuk memperkasa sistem bekalan air yang efektif dan menarik mampu menarik perhatian penduduk sekali gus memberi undi yang berharga kepada parti politik berkenaan.

Situasi PRU14 di Kedah dilihat meriah apabila BN Kedah masih menjadikan isu bekalan air sebagai antara manifesto utama mereka di negeri ini. BN Kedah telah menggariskan beberapa projek bekalan air yang akan dilaksanakan sekiranya penduduk Kedah masih lagi memberi kepercayaan kepada mereka di negeri berkenaan. Antara projek bekalan air yang dilihat ditawarkan ialah Projek Bekalan Air Langkawi yang berjumlah RM 600 juta, Projek Bekalan Air Tupah dan penggantian paip saluran air di Tanjung Dawai yang berjumlah RM 69 juta, Projek Bekalan Air Luar Bandar Retikulasi Negeri Kedah di bawah peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KKLW). Selain itu, akan dilaksanakan projek menaik taraf loji air yang berjumlah RM 932 juta di Pelubang, Pendang, Bukit Selambau, Sungai Limau dan Lubuk Buntar Lama (Manifesto Barisan Nasional Kedah PRU14 2018). PAS Kedah juga dilihat turut mengambil kesempatan menjadikan isu dan masalah bekalan air di Kedah sebagai salah sebuah manifesto mereka di negeri berkenaan ekoran mereka mempunyai pengalaman mentadbir negeri berkenaan setelah memenangi PRU12 di Kedah (Malaysiakini 2018). PAS Kedah secara umumnya berjanji akan menyelesaikan masalah bekalan air di Kedah secara berperingkat-peringkat di samping menawarkan pemberian 20 m³ secara percuma kepada penduduk sasaran di Kedah. Manakala manifesto PH di Kedah dilihat ringkas dan padat serta tidak melupakan masalah bekalan air di Kedah. PH telah meletakkan 10 teras utama dalam usaha mereka membina semula negeri Kedah ke arah yang lebih baik daripada sedia ada. PH dilihat berjanji akan mengurangkan masalah bekalan air di seluruh negeri Kedah (Tawaran Harapan Negeri Kedah 2018). Lanjutan daripada perkara tersebut, PH akan memastikan hanya SADA menjadi operator tunggal pengurusan operasi bekalan air di seluruh negeri Kedah.

PAS Kelantan yang dilihat selesa mentadbir negeri tersebut sejak tahun 1990 melalui corak perilaku pengundi di Kelantan yang sekian lama bercirikan identifikasi parti, pilihan rasional, sosiologikal dan kepimpinan kepada parti politik berkenaan (Muhamad Nadzri Mohamed Noor & Mohd Faizal Daud 2018). PAS Kelantan dilihat turut menyatakan keazaman mereka untuk mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan bekalan air bersih seperti menyasarkan akses bekalan air ditingkatkan dari 65 % menjadi 90 % pada akhir tahun 2021 dan menaik taraf rangkaian paip saluran bekalan air sepanjang 2, 900 kilometer (KM) dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM 1.04 billion (Manifesto Kelantan Sejahtera Untuk Islam 2018). Manakala BN Kelantan cuba memancing penduduk di negeri berkenaan dengan penawaran untuk meningkatkan keberkesanan AKSB dan meningkatkan kadar liputan air terawat kepada 80% (Manifesto PRU14 Barisan Nasional Kelantan 2018). Ini kerana BN Kelantan mengetahui Kerajaan Kelantan menghadapi masalah pengurusan bekalan air sejak sekian lama ekoran banyak lokasi dilaporkan berhadapan masalah kekurangan bekalan air yang serius. Walaupun manifesto yang diberikan dilihat agak ringkas, namun ianya tetap mempunyai tarikan tersendiri kepada penduduk Kelantan yang menghadapi masalah bekalan air sejak sekian lama di bawah kepimpinan PAS. Percubaan PH Kelantan yang pertama kali bertanding di PRU14 di negeri berkenaan dilihat tidak menyenaraikan isu pembangunan bekalan air di negeri berkenaan sebaliknya PH Kelantan dilihat akan meningkatkan pembangunan ekonomi Kelantan ekoran hasil dalam negeri Kelantan merupakan paling rendah berbanding negeri lain di Malaysia (Manifesto Pakatan Harapan Kelantan 2018). Berkemungkinan, PH Kelantan sekadar ingin mencuba nasib dan meninjau penerimaan penduduk Kelantan terhadap PH ekoran parti berkenaan turut meletakkan Nik Omar yang merupakan anak kepada tokoh PAS terkenal, Nik Aziz Nik Mat sebagai calon bagi kerusi N6 Chempaka.

Suasana di Pahang dilihat turut meriah ekoran BN dilihat cuba memenangi hati penduduk di Pahang dengan menawarkan penyelesaian yang lebih berdaya saing terhadap masalah bekalan air di

negeri berkenaan. BN Pahang berjanji akan menaikkan kapasiti loji air dari 1.3 m³ kepada 2.0 m³ sehari dan membina lebih banyak lagi loji baru untuk meningkatkan keupayaan bekalan air di Bentong, Kuantan, Pekan serta Bera (Manifesto Barisan Nasional Pahang PRU14 2018). Malah bagi parlimen Temerloh, BN Pahang dilihat telah merangka manifesto khas kerana Temerloh akan dibina sebuah tugu dan daerah ini akan menjadi sebuah tarikan pelancong bertaraf antarabangsa sekiranya BN Pahang masih lagi diberi kepercayaan di Pahang. Bagi menyelesaikan masalah bekalan air di Temerloh, sebuah loji rawatan air moden bernilai RM100 juta akan dibina bagi menampung keperluan pengguna (Manifesto Barisan Nasional Temerloh PRU14 2018). PAS Pahang dilihat tidak menyenaraikan janji untuk menyelesaikan isu dan masalah bekalan air di negeri Pahang (Manifesto PAS Negeri Pahang 2018). Sebaliknya, PAS Pahang menyatakan Kerajaan Pahang berada pada tahap yang tenat kerana mempunyai masalah kewangan serius ekoran tidak banyak hasil negeri yang dapat dijana seperti hasil balak, pasir, cukai tanah, air dan lain-lain. Maka dengan itu manifesto PAS Pahang dilihat lebih fokus kepada pembangunan modal insan dan pengurusan prospek pembangunan negeri yang lebih tersusun serta agihan adil kepada penduduk Pahang. PH Pahang turut tidak menawarkan penyelesaian berkaitan isu dan masalah bekalan air di Pahang sebaliknya lebih menumpukan terhadap janji untuk membangunkan ekonomi negeri berkenaan melalui Skim Mikrokredit Makmur, Tanah Untuk Anak Pahang, Perbadanan kemajuan Eko-Aset Pahang dan menjaga kebajikan penduduk Pahang melalui Skim Raya Makmur, Skim Tabung Makmur serta Skim Khairat Makmur (Manifesto Pakatan Harapan Pahang 2018). Ini kerana PH bermatlamat untuk membayar hutang negeri sekiranya membentuk kerajaan negeri pada PRU14 sekali gus dapat memangkin kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat dan baik berbanding di bawah pentadbiran BN Pahang.

Suasana di Selangor dilihat sangat sengit ekoran PH, BN, PAS, Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan lain-lain dilihat bertanding di negeri berkenaan dan berusaha untuk menawan penduduk Selangor dengan pelbagai janji serta manifesto di negeri berkenaan. Persaingan sengit di Selangor dilihat berlaku kerana Selangor merupakan penyumbang utama Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi Malaysia dan merupakan negeri yang mempunyai nilai pelaburan yang sangat tinggi (Mohd Yusof Saari & Zakariah Abdul Rashid 2008). Sekiranya sesebuah parti politik dapat menguasai negeri Selangor, ianya seolah-olah dapat menguasai ekonomi negara secara keseluruhan. Maka dengan itu, lambakan parti politik yang bertanding di Selangor adalah suasana biasa ketika berlangsungnya pilihan raya dan tumpuan media nasional negara sememangnya adalah bertumpu di Selangor berbanding dengan negeri lain. Dalam aspek bekalan air di Selangor, sememangnya PH ingin mengekalkan penguasaan mereka di negeri berkenaan dan menafikan segala manipulasi mengenai isu bekalan air di Selangor dan Kuala Lumpur yang dibuat oleh BN selama ini. PH Selangor dilihat masih mengekalkan pemberian bekalan air percuma kepada penduduk Selangor di bawah penggunaan 20 m³. Selain itu, PH Selangor turut menawarkan proses penstrukturan semula industri air di Selangor supaya bekalan air semasa di negeri ini dan Kuala Lumpur bertambah baik dan mengurangkan pelbagai isu bekalan air lain (Manifesto Pakatan Harapan Selangor 2018). Bagi BN Selangor pula, mereka turut menawarkan untuk memuktamadkan segera penstrukturan semula industri air demi keselesaan dan kesejahteraan penduduk di negeri itu sendiri dan Kuala Lumpur. BN Selangor turut berjanji akan melaksanakan pemberian air percuma di bawah penggunaan 20 m³ dan memberi rebat kepada penduduk Selangor di bawah penggunaan 40 m³ (Manifesto Barisan Nasional Selangor PRU14 2018). Tawaran yang diberikan oleh BN Selangor menunjukkan mereka turut menjalankan penyiasatan dan berpengetahuan yang luas berkaitan sistem bekalan air di Selangor. Tawaran penyelesaian yang diberikan dilihat sangat berdaya saing dan mampu menarik perhatian para penduduk Selangor mengundi BN pada PRU14 nanti. PAS Selangor melalui manifesto 10 Teras Selangor Sejahtera dilihat tidak menyenaraikan kepentingan terhadap pembangunan bekalan air di Selangor sebaliknya mereka memberi fokus terhadap manifesto pembangunan sosial dan kesejahteraan kepada penduduk Selangor (10 Teras Selangor Sejahtera 2018). Berkemungkinan PAS Selangor tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas menguruskan sistem bekalan air di sesebuah negeri. Ini kerana PAS secara keseluruhan langsung tidak berpeluang membentuk Kerajaan Persekutuan dan menguasai negeri-negeri di Malaysia dengan tempoh yang lama kecuali di Kelantan. Malah PAS Kelantan turut berhadapan dengan isu dan masalah kekurangan bekalan air yang sangat serius di negeri berkenaan pada masa kini. Maka

dengan itu, PAS Selangor tidak memberi fokus untuk memperkasa sistem bekalan air di Selangor sebaliknya hanya fokus kepada penawaran kehidupan yang lebih baik di negeri berkenaan.

Walaupun tiada laporan menunjukkan berlakunya masalah kekurangan bekalan berlaku di negeri Perak, Johor, Terengganu dan lain-lain lagi, namun manifesto berkaitan bekalan air dilihat turut ditawarkan kepada penduduk di negeri yang dinyatakan. Keadaan ini menunjukkan isu bekalan air merupakan antara prospek penting di sesebuah negeri dan penawaran perkhidmatan bekalan air yang baik mampu menarik perhatian penduduk mengundi parti politik yang bertanding dan menentukan nasib sesebuah parti politik yang bertanding di negeri yang dinyatakan. Secara ringkasnya BN Perak dilihat telah menawarkan peningkatan jumlah pemberian bekalan air percuma menjadi 30 m³ dari 20 m³ kepada penduduk negeri berkenaan dan formula ini dikatakan telah dilaksanakan di Perak sejak sekian lama (Perak Negeriku Barisan Nasional Pilihanku 2018). Manakala PAS Terengganu turut berjanji akan memberi bekalan air percuma sebanyak 20 m³ kepada penduduk miskin dan berpendapatan rendah di negeri berkenaan (15 Manifesto PAS Terengganu Sempena PRU-14). Sementara itu, PH Johor turut menyatakan kesanggupan memberi bekalan air percuma di bawah penggunaan 10 m³ dan menyediakan sistem bekalan air yang lebih baik kepada penduduk Johor sekiranya mereka diberi peluang mentadbir negeri Johor selepas itu (Manifesto Pakatan Harapan Johor 2018). Secara keseluruhannya, isu bekalan air dilihat telah mendapat tempat pada PRU14 dan setiap parti politik yang bertanding dilihat cuba mengetengahkan solusi yang terbaik bagi memperkasakan sistem bekalan air yang sedia ada. Bekalan air merupakan keperluan asas dalam kehidupan dan setiap penduduk mempunyai hak untuk memperoleh akses bekalan air yang baik dari kerajaan negeri yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam perkembangan sistem bekalan air di sesebuah negeri (Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor 2018).

ANALISIS KEPUTUSAN PRU14 DI MALAYSIA

PRU14 telah berlangsung dengan lancar, teratur, adil dan efektif di seluruh Malaysia. Tiada laporan menunjukkan kejadian pergaduhan, pertelingkahan, buli dan pembunuhan berlaku. Ini menunjukkan penduduk Malaysia sudah matang dan hanya melalui pilihanraya sahaja dapat menentukan masa depan negara serta membentuk lebaran sejarah yang baru. Sememangnya isu dan masalah bekalan air dilihat antara faktor utama kemenangan dan kekalahan parti politik yang bertanding di negeri-negeri tertentu. Para penduduk dilihat akan tertarik dengan manifesto dan kesungguhan parti politik menawarkan tawaran yang terbaik bagi memantapkan lagi kemudahan bekalan air di senarai negeri yang dinyatakan. Hanya melalui pilihan raya sahaja, suara dan pendapat rakyat akan diketahui dengan jelas sama ada penduduk menerima atau menolak manifesto yang diberikan oleh parti politik yang bertanding.

Banyak pendapat menyatakan PRU14 di Kedah sangat mencabar dan tiada jalan mudah akan diperoleh oleh setiap parti politik yang bertanding. Sinar Harian telah menemu bual Pensyarah Kanan Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Md. Shukri Shuib mengenai jangkakan PRU14 di Kedah. Beliau menyatakan PRU14 dilihat sangat mencabar dan tiada jalan mudah kepada parti-parti politik bertanding di Kedah kerana mereka perlu memenangi hati penduduknya terlebih dahulu melalui tawaran manifesto dan kempen yang boleh menarik perhatian penduduk mengundi mereka. Keadaan politik di negeri ini bersifat unik dan keutamaan bagi penduduk berkait rapat dengan keperluan sosioekonomi dan kebijakan penduduk. Proses mengajak, mendekati dan menyantuni penduduk Kedah dilihat masih lagi konservatif berbanding negeri-negeri lain (Mohd Hafiz Ismail 2018). Dakwaan ini sememangnya telah dijangkakan kerana para penduduk di Kedah sememangnya sangat menjaga kepentingan keperluan dan kebijakan hidup berbanding isu lain dalam kehidupan mereka. Sokongan penduduk Kedah dilihat sentiasa berubah dan bergantung kepada janji dan penawaran manifesto yang menarik kepada mereka setiap pilihanraya yang berlangsung. Ini kerana sejak sekian lama mereka hidup dalam serba kekurangan dan adalah wajar mereka menyuarakan rasa tidak puas hati mengenai nasib yang menimpa mereka sejak sekian lama kepada pihak berwajib serta pihak yang berkepentingan.

PH berjaya membentuk kerajaan negeri di Kedah apabila berjaya memenangi 18 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) berbanding PAS sebanyak 13 kerusi DUN dan BN sebanyak 3

kerusi DUN. Keputusan PRU14 di Kedah dilihat sangat sengit ekoran PAS dilihat turut memenangi hati penduduk Kedah di beberapa kerusi DUN di negeri berkenaan. Banyak kerusi DUN yang mengalami masalah bekalan air di Kedah dilihat telah beralih kepada calon PH dan PAS. Keadaan ini jelas menunjukkan penduduk Kedah tidak lagi menyatakan sokongan terhadap BN ekoran masalah bekalan air yang tidak dapat diselesaikan dengan baik oleh mereka sebelum ini. Sebaliknya undi dan harapan yang tinggi diberikan terhadap calon PH dan PAS yang memenangi kerusi DUN Kedah. (Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor 2018).

Misalnya, kerusi N9 Bukit Lada yang meliputi daerah Pokok Sena dimenangi calon dari PAS, Salam Mahmood Al-Hafiz dengan 9, 573 undi menewaskan calon BN, Dato' Ariffin bin Man yang menerima sebanyak 8, 288 undi, calon PH, Mohd Aizad bin Roslan yang menerima sebanyak 6, 337 undi dan calon BEBAS, Dato' Mohd. Ismail bin Othman yang menerima undi sebanyak 444 undi (SPR 2018). Umum mengetahui daerah Pokok Sena merupakan kawasan kritikal masalah kekurangan bekalan air sehingga menyebabkan para penduduk kembali menggunakan telaga dan air bawah tanah untuk memperoleh bekalan air bagi digunakan setiap hari. Walaupun keadaan bekalan air dilihat semakin baik apabila bebanan Loji Air Bukit Pinang dapat dipindahkan kepada Loji Air Sungai Santap, namun ianya tidak mampu mengubat kekecewaan penduduk yang sekian lama menderita ekoran kekurangan bekalan air di lokasi berkenaan. Penduduk juga dilihat belajar dari pengalaman dan pengamatan mereka yang sekian berhadapan dengan masalah bekalan air. Namun bila pilihanraya bakal menjelang, masalah tersebut kononnya telah diatasi oleh pihak berkenaan. Seharusnya BN Kedah mencari jalan menyelesaikan masalah keperluan rakyat dengan pelaksanaan projek bekalan air yang lebih komprehensif dan berdaya saing kepada para penduduk di lokasi berkenaan (Abdul Rahman, 2018). BN Kedah sewajarnya merujuk beberapa peristiwa lampau, misalnya pada tahun 1964, dilaporkan penduduk di lokasi berkenaan telah terbunuh kerana berebut air yang dihantar dengan lori tangki kepada mereka (P.S.U (KEDAH) 782/83). Peristiwa ini menunjukkan penduduk sangat agresif dan sanggup bertindak di luar batasan sekiranya keperluan mereka terjejas serta tidak dipenuhi oleh pihak berwajib. Peristiwa ini dapat dijadikan sebagai pedoman dan pengajaran serta membuktikan bahawa masalah bekalan air merupakan masalah sosial yang perlu ditangani dengan segera.

Keputusan PRU14 di Kelantan dilihat masih mengekalkan dominasi PAS di negeri berkenaan apabila PAS memenangi 37 kerusi DUN dan berjaya membentuk kerajaan negeri di Kelantan. Ini menunjukkan penduduk Kelantan masih lagi mempercayai dan masih menaruh harapan yang tinggi terhadap kepimpinan PAS Kelantan di negeri berkenaan. Manakala BN dilihat memenangi 8 kerusi DUN dan PH langsung tidak memenangi sebarang kerusi DUN di negeri berkenaan (SPR 2018). Percubaan BN Kelantan menawarkan perkhidmatan bekalan air yang lebih baik dari sedia ada dilihat telah ditolak oleh penduduk Kelantan secara keseluruhannya. Ini kerana PAS Kelantan dilihat berjaya mempengaruhi pendapat awam dan meyakinkan pengundi untuk menyokong manifesto yang di janji mereka di negeri berkenaan. Cubaan PAS Kelantan untuk menafikan kelemahan mereka menguruskan bekalan air dengan baik di negeri berkenaan dengan menyalahkan tindakan Kerajaan Persekutuan membekukan pinjaman bekalan air dari tahun 1990 sehingga tahun 2000 dilihat diterima oleh penduduk di negeri tersebut. Malah isu dan masalah bekalan air Kelantan yang dilihat disensasikan oleh media nasional negara turut tidak dapat menghasut penduduk Kelantan mengalih kepercayaan kepada parti politik lain selain PAS Kelantan. Kerusi N11 Tendong yang merupakan lokasi panas isu dan masalah kekurangan bekalan air di negeri berkenaan dilihat masih mengekalkan kemenangan calon PAS, Rozi Muhamad dengan 8, 951 undi menewaskan calon BN, Datuk Yahaya Mamat dengan 6, 700 undi, calon Bebas, Datuk Ibrahim Ali dengan 1, 479 dan calon PH, Dr. Wan Zulkhairi Wan Md. Zain dengan 1, 360 undi. Kemenangan ini membuktikan penduduk Kelantan menolak sepenuhnya manifesto PH dan BN di Kelantan pada PRU14 secara keseluruhannya.

Keputusan PRU14 peringkat negeri Pahang dilihat masih mengekalkan penguasaan BN di negeri tersebut. Penduduk Pahang dilihat masih lagi memberi sokongan kepada BN Pahang ekoran pengalaman parti politik berkenaan dalam pembangunan negeri tersebut terutamanya dalam aspek kemudahan bekalan air dan lain-lain lagi. Walaupun Pahang dilihat mempunyai masalah bekalan air yang serius, namun tawaran manifesto oleh BN Pahang pada PRU14 dilihat telah berjaya memikat

para pengundi dan seterusnya memberi kepercayaan kepada BN Pahang untuk terus mentadbir dan menunaikan janji-janji mereka pada PRU14 selepas itu. Dalam aspek bekalan air juga, penduduk Pahang dilihat tidak mempunyai pilihan selain mengundi BN ekoran PH dan PAS dilihat tidak menyenaraikan manifesto untuk membangunkan sistem bekalan air di negara berkenaan. Maka dengan itu, penduduk Pahang memberi kepercayaan kepada BN Pahang supaya kemudahan bekalan air di negeri berkenaan dapat ditingkatkan seiring kemajuan hidup yang diperoleh mereka ketika berada di bawah pemerintahan BN Pahang sebelum itu.

Malah kerusi N32 Kuala Semantan dan N31 Lanchang dilihat masih lagi mengekalkan dominasi BN walaupun kawasan yang dinyatakan terletak di daerah Temerloh merupakan antara lokasi panas kekurangan bekalan air di Pahang. Bagi kerusi N32 Kuala Semantan, calon BN, Datuk Nor Azmi Mat Ludin memperoleh 7, 880 undi menewaskan penyandang kerusi itu, Syed Hamid Syed Mohamed dari PH dengan 6, 095 undi dan calon PAS, Hasanuddin Salim dengan 7, 406 undi. Bagi kerusi N31 Lanchang pula, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin berjaya mempertahankan DUN Lanchang buat kali kelima dengan undian sebanyak 8,824 undi. Beliau telah menewaskan calon PAS, Hasan Omar dengan 4,836 undi, calon PH, Abas Awang dengan 5, 099 undi dan calon Bebas, Khaidir Ahmad yang hanya memperoleh 80 undi (Amin Ridzuan Ishak 2018). Secara keseluruhannya, penduduk di Temerloh dilihat mengekalkan dominasi BN Pahang di lokasi berkenaan dan menunjukkan para penduduk menerima manifesto BN Temerloh yang dibuat khas demi menjaga kepentingan penduduk di lokasi tersebut terutamanya dalam aspek kemudahan bekalan air. Kemenangan BN di Temerloh dan juga negeri Pahang memberi isyarat penduduk Pahang masih lagi memberikan kepercayaan penuh kepada BN Pahang dan menyokong sepenuhnya isu awam yang diperjuangkan oleh BN untuk negeri Pahang.

Penguasaan terhadap kepimpinan politik Selangor adalah penting kepada parti politik yang bertanding di negeri berkenaan kerana Selangor merupakan negeri termaju di Malaysia dan mempunyai jumlah penduduk yang ramai serta mempunyai populasi menyerupai demografi Malaysia (Mohd Azri Ibrahim, Sity Daud, Farid Wajdi Mohd Nor & Shamshinor Abdul Azzis 2014). PH dilihat memenangi PRU14 di negeri Selangor dengan begitu bergaya sekali melalui majoriti mudah 51 kerusi DUN berbanding BN dengan 4 kerusi DUN dan PAS hanya 1 kerusi DUN. Kemenangan besar PH di negeri Selangor dilihat sudah dijangka ekoran Selangor merupakan kubu kuat bagi PKR dan DAP sejak sekian lama. Malah BN dan PAS dilihat agak sukar untuk mempengaruhi penduduk Selangor dengan manifesto yang mereka janjikan terutamanya dalam aspek bekalan air ekoran penduduk di negeri Selangor dilihat berpuas hati dengan kemakmuran dan faedah yang diperoleh oleh mereka sebelum ini.

Walaupun isu dan masalah bekalan air di Selangor kerap menjadi polemik politik di Malaysia, namun situasi tersebut tidak mampu membuatkan penduduk Selangor beralih arah kepada BN. Kawasan Lembah Klang seperti Kajang dan Serdang yang dilaporkan mengalami masalah bekalan air yang serius dilihat masih mengekalkan kemenangan PH walaupun TV3 dan Bernama acap kali melaporkan isu dan masalah bekalan air yang serius di lokasi berkenaan. Bagi kerusi N25 Kajang, calon PH, Hee Loy Sian berjaya memenangi kerusi DUN berkenaan dengan 39, 055 undi menewaskan calon BN, Teh Yeow Meng dengan 7, 097 undi, calon PAS, Zaiton Ahmad dengan 8, 300 undi dan calon PRM, Wan Jinn Woei dengan 103 undi. Manakala bagi kerusi N29 Seri Serdang, calon PH, Dr. Siti Mariah Mahmud berjaya memenangi kerusi DUN yang dinyatakan dengan 27, 088 undi menewaskan calon BN, Mohammad Satim Diman dengan 12, 725 undi dan calon PAS, Noor Hanim Ismail dengan 5, 552 undi (SPR 2018). Berdasarkan kemenangan di kerusi DUN yang dinyatakan, isu dan masalah bekalan air di Selangor tidak seperti yang digambarkan oleh media nasional di negara kita selama ini. Ini kerana penduduk Selangor dilihat masih lagi mengekalkan dominasi PH di Selangor dan sekiranya situasi bekalan air Selangor adalah seperti yang digambarkan oleh media nasional negara, penduduk Selangor semestinya akan memilih PAS atau BN bagi menyelesaikan masalah bekalan air yang dihadapi oleh mereka serta menolak PH sepenuhnya pada PRU14 kali ini. Penduduk Selangor dilihat masih lagi bersabar dan memberi peluang kepada PH untuk meningkatkan prestasi bekalan air di negeri berkenaan melalui tawaran manifesto yang dijanjikan pada PRU14.

KESIMPULAN

Isu dan masalah bekalan air sememangnya merupakan antara janji dan manifesto utama setiap parti politik yang bertanding pada PRU14 yang lepas. Sebelum PRU14, sememangnya isu dan masalah kekurangan bekalan air di seluruh negara dilihat telah dilaporkan untuk tatapan umum. Ini menunjukkan masih terdapat beberapa negeri berhadapan dengan masalah bekalan air yang serius dan menyusahkan aktiviti harian penduduk. Media nasional negara dilihat bersifat berat sebelah apabila hanya menumpukan kepada laporan isu dan masalah kekurangan bekalan air di negeri pembangkang sahaja pada ketika itu berbanding negeri yang dikuasai oleh BN. Tindakan ini didorong untuk menunjukkan negeri pembangkang gagal menguruskan sektor bekalan dengan baik padahal masih terdapat negeri lain yang turut berhadapan masalah bekalan air yang serius yang dilihat cuba disembunyikan oleh media nasional negara kita.

Sememangnya bekalan air domestik begitu penting bagi memenuhi keperluan hidup penduduk seharian. Gangguan terhadap akses bekalan air yang baik, kehidupan penduduk akan terganggu dan pelbagai implikasi negatif akan diperolehi oleh penduduk seperti penyakit berjangkit dan mengganggu perkembangan populasi manusia serta aktiviti sosial manusia terjejas sama sekali. Di atas kesempatan ini, parti politik yang bertanding pada PRU14 dilihat telah menjadikan isu dan masalah bekalan air sebagai manifesto dan janji mereka pada PRU14 ekoran para penduduk di Malaysia tertarik dengan kesungguhan terhadap penawaran hidup yang lebih baik dari sediakala oleh parti politik yang bertanding. Sememangnya manifesto dan janji untuk menyediakan kemudahan bekalan air yang lebih baik menjadi antara faktor kemenangan dan kekalahan kepada parti politik di negeri-negeri tertentu pada PRU14. Penduduk di Malaysia sudah membuat pilihan pada PRU14 dan memberi kepercayaan yang tinggi kepada kerajaan negeri dari BN, PAS dan PH menyelesaikan masalah hidup terutama masalah bekalan air yang sekian lama dihadapi oleh mereka selepas itu. Kemudahan bekalan air yang baik memberi implikasi kepada kependudukan di Malaysia sekali gus dapat menghasilkan kadar guna tenaga kerja yang tinggi seterusnya meningkatkan KDNK negara dari semasa ke semasa.

RUJUKAN

- 15 Manifesto PAS Terengganu Sempena PRU-14.
- Abdul Rahman. 2018. Pertandingan 4 Penjuru di DUN Bukit Lada. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/04/417891/pertandingan-4-penjuru-di-dun-bukit-lada> [Access on 15 July 2018].
- Ahmad Zaini Kamaruzzaman. 2018. BN Gagal Kesan Gelombang Tsunami rakyat. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/05/424173/bn-gagal-kesan-gelombang-tsunami-rakyat> [Access on 27 June 2018].
- Alang Ibn Shukrimun. 2018. PAS Tanding 155 Kerusi: Mampukah Menang? *Harakah Daily*. <http://www.harakahdaily.net/index.php/berita/15-tanah-air/6527-pas-bertanding-155-kerusi-mampukah-menang> [Access on 25 June 2018].
- Amanahdaily*. 2018. Pakatan Harapan Akan Selesaikan Masalah Air Pahang Segera Jika Memerintah. <http://amanahdaily.com/index.php/2018/04/07/pakatan-harapan-akan-selesaikan-masalah-air-pahang-segera-jika-memerintah/> [Access on 5 July 2018].
- Amin Ridzuan Ishak . 2018. BN rampas DUN Kuala Semantan. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/05/423692/bn-rampas-dun-kuala-semantan> [Access on 20 July 2018].
- Azuan Ab Rahman. 2017. Projek 'gajah putih' Pahang Jejas Bekalan Air Orang Asal. *Keadilandaily*. <http://www.keadilandaily.com/projek-gajah-putih-pahang-jejas-bekalan-air-orang-asal> [Access on 4 June 2018].
- Berita Harian Online*. 2018a. Pakatan Harapan Menang PRU-14. 18 Mei. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/05/423761/pakatan-harapan-menang-pru-14> [Access on 20 June 2018].
- Buku Harapan Membina Negara Memenuhi Harapan, 2018.

- Fuad Ahmad. 2018. Gagasan Akan Hapus Hutang PTPTN RM8b. *Harakah Daily*. <http://www.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/6273-mahathir-patut-nasihat-petronas-keluar-zakat> [Access on 26 June 2018].
- Gokina Morganan. 2017. Atasi Isu Air Secara Adil. *Sinar Harian Online*. <http://www.sinarharian.com.my/edisi/utara/atasi-isu-air-secara-adil-1.681337> [Access on 29 June 2018].
- Harakah Daily*. 2018. Sekatan Dana Persekutuan Punca Isu Air Kelantan <http://www.harakahdaily.net/index.php/berita/5944-sekatan-dana-persekutuan-punca-isu-air-kelantan> [Access on 2 June 2018].
- Isham Jalil. 2018. Selangor Water Crisis a Serious Public Health Issue. *NST Online* <https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2018/03/346323/selangor-water-crisis-serious-public-health-issue> [Access on 7 July 2018].
- Koh J. L. 2018. Masalah Air Selangor Lebih Teruk Daripada 1MDB, Kata Najib. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/415316> [Access on 5 July 2018].
- Malaysia Dateline*. 2018. Selesaikan Masalah Air Pahang Dulu Sebelum Kelantan, Kata Amanah Pahang. <https://malysiadateline.com/selesaikan-masalah-air-pahang-dulu-sebelum-kelantan-kata-amanah-pahang/> [Access on 5 July 2018].
- Malaysiakini*. 2017. Shahrizat: PRU14 'ibu segala pilihan raya'. (2 December). <https://www.malaysiakini.com/news/404098> [Access on 8 July 2018].
- Malaysiakini*. 2010. TPM: Muktamadkan Segera Rundingan Bekalan Air. <https://www.malaysiakini.com/news/138987>. [Access on 10 July 2018].
- Malaysiakini*. 2018. PAS Lancar Manifesto PRU14 Untuk Kedah. <https://www.malaysiakini.com/news/413487> [Access on 10 July 2018].
- Manifesto Barisan Nasional PRU14, 2018.
- Manifesto Barisan Nasional Kedah PRU14, 2018.
- Manifesto Barisan Nasional Pahang PRU14. 2018.
- Manifesto Barisan Nasional Selangor PRU14, 2018.
- Manifesto Barisan Nasional Temerloh PRU14. 2018.
- Manifesto Kelantan Sejahtera Untuk Islam, 2018.
- Manifesto Malaysia Sejahtera, 2018.
- Manifesto Pakatan Harapan Johor.
- Manifesto Pakatan Harapan Kelantan, 2018.
- Manifesto Pakatan Harapan Pahang, 2018.
- Manifesto Pakatan Harapan Selangor, 2018.
- Manifesto PAS Negeri Pahang, 2018.
- Manifesto PRU14 Barisan Nasional Kelantan, 2018.
- Masdar Wahid. 2017. Rafizi syak gangguan bekalan air taktik BN sabotaj Pakatan. *Keadilandaily*. <http://www.keadilandaily.com/rafizi-syak-gangguan-bekalan-air-taktik-bn-sabotaj-pakatan/> [Access on 8 July 2018].
- Mohd Azri Ibrahim, Sity Daud, Farid Wajdi Mohd Nor & Shamshinor Abdul Azzis. 2014. Program Kerajaan Dan Pola Pengundian PRU-13 Di Selangor Muhammad. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space* 10(4): 88-114.
- Mohd Hafiz Ismail. 2018. Tiada Jalan Mudah Di Kedah. *Sinar Harian Online*. <http://www.sinarharian.com.my/politik/tiada-jalan-mudah-di-kedah-1.788229> [Access on 15 July 2018].
- Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor. 2018. Isu Bekalan Air Domestik: Antara Kejayaan dan Kekalahan Pada PRU14 di Negeri Kedah. *Jurnal Peradaban Jilid 11*: 115-150.
- Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor. 2018. Kerjasama Kedah Dan Perlis Dalam Pembangunan Sistem Bekalan Air Domestik Di Negeri Perlis. *Jebat: Malaysian Journal Of History, Politics & Strategic Studies* 45(1): 56-78.
- Mohd Yusof Saari & Zakariah Abdul Rashid. 2008. Kajian Input-Output Wilayah: Aplikasi dan Analisis di Selangor. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 42: 23-43.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor & Mohd Faizal Daud. 2018. Pilihan Raya dalam Politik Kelantan 1990 - 2013: Antara Parti, Pemimpin dan Isu. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 43(2): 51-73.

- Muhammad Sanusi Md Nor. 2018. *Harakah Online*. Bashah Dituntut Senarai Manifesto BN Ditiru. <http://www.harakahdaily.net/index.php/berita/15-tanah-air/5586-bashah-dituntut-senarai-manifesto-bn-ditiru-pas> [Access on 11 July 2018].
- Mstar Online*. 2018. PRU14: 9 Mei Tarikh Mengundi. <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2018/04/10/spr-umum-tarikh-pru14/> [Access on 8 July 2018].
- Nik Amirulmu'min Nik Min. 2017. Masalah Air Makin Kritikal. *Sinar Harian Online*. <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/masalah-air-makin-kritikal-1.635971> [Access on 3 July 2018].
- Nik Fuaad Nik Abllah. 1990. *Bekalan Air, Pembetulan dan Pengairan*, 2-3. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM).
- Norawazni Yusof. 2018. Gangguan Bekalan Air, 80,000 Pengguna Di Kuantan Terjejas. *Sinar Harian Online*. <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/gangguan-bekalan-air-80-000-pengguna-di-kuantan-terjejas-1.788384> [Access on 4 July 2018].
- Nur Lela Zulkipli. 2018. 'Lebih kepada menyusahkan rakyat'. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/03/397472/lebih-kepada-menyusahkan-rakyat> [Access on 26 June 2018].
- Perak Negeriku Barisan Nasional Pilihanku, 2018.
- P.S.U (KEDAH) 383-1376, Petition Regarding Rates Charged On Water Consumed For Domestic Purposer, 1956.
- P.S.U (KEDAH) 782/83, Kumpulan Wang Pendahuluan Untuk Memasang Pancur Air di Rumah Penduduk-Penduduk Dengan Bayaran Beransur-ansur.
- Public Work Department, 1934.
- Rosmiza Kasim. 2016. Selesai Segera Isu Air. *Sinar Harian Online*. <http://www.sinarharian.com.my/edisi/kelantan/selesai-segera-isu-air-1.536620> [Access on 30 Jun 2018].
- Samsudin A. Rahim. 2010. Media, Demokrasi dan Generasi Muda: Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum ke-12. *Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 26(2): 1-15.
- Selangor. 10 Teras Selangor Sejahtera, 2018.
- Sinar Harian Online*. 2017. Kerajaan Negeri Tukar Sistem Paip Air Lama. <http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/utara/kerajaan-negeri-tukar-sistem-paip-air-lama-1.688548> [Access on 29 June 2018].
- Sinar Harian Online*. 2018a. Ketidakecapan Punca Bekalan Air Terjejas <http://www.sinarharian.com.my/edisi/selangor-kl/ketidakecapan-punca-bekalan-air-terjejas-1.806697> [Access on 6 July 2018].
- Sinar Harian Online*. 2018b. Lanjutan Tempoh Gangguan Bekalan Air <http://www.sinarharian.com.my/edisi/selangor-kl/lanjutan-tempoh-gangguan-bekalan-air-1.805952> [Access on 7 July 2018].
- Siti Nursyahidah Abu Bakar. 2018. Pas Puas Hati Sesi Meja Bulat 1MDB. *Sinar Harian Online*. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/pas-puas-hati-sesi-meja-bulat-1mdb-1.714957> [Access on 25 June 2018].
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Semakan Keputusan Pilihan Raya. <https://keputusan.spr.gov.my/> [Access on 20 June 2018].
- Tawaran Harapan Negeri Kedah, 2018
- Utusan Malaysia Online*. 2018. Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14: Kedah. 11 Mei. <http://www.utusan.com.my/berita/politik/pilihan-raya/pilihan-raya-umum-ke-14/keputusan-pilihan-raya-umum-ke-14-kedah-1.669813> [Access on 20 Jun 2018].
- Utusan Malaysia Online*. 2017. Mesyuarat Khas Tangani Krisis Air Musim Perayaan. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/mesyuarat-khas-tangani-krisis-air-musim-perayaan-di-kedah-1.491845> [Access on 30 June 2018].
- Zailanni Amit. 2017. Impak Isu Royalti Minyak Kelantan Terhadap Hubungan Kerajaan Pusat-Negeri (Kelantan Oil Royalty Issue and its Impact on Federal-State Relations). *e-bangji Journal* 14(2): 339-354.

Temu ramah

Puan Che Sham binti Ramli, 57 tahun, Kg. Pancur, Pokok Sena, Kedah – 25 Jun 2018.

Puan Norlizawati Yahya, 35 tahun, Kuantan, Pahang. – 3 Julai 2018.

Puan Sariah Shaary, 30 tahun, Kota Bharu, Kelantan. – 27 Julai 2018.

Puan Ummi Kalthum binti Abdullah, 32 Tahun, Dengkil, Selangor. – 1 September 2018.

Mohd Firdaus bin Abdullah
Jabatan Sejarah,
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya, 50603,
Kuala Lumpur
Email: mohdfirdausabdullah@ymail.com

Arba'iyah Mohd Noor (Ph.D)
Senior Lecturer
Jabatan Sejarah,
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya
50603, Kuala Lumpur
Email: arbaiyah@um.edu.my

Submitted: 15 Oktober 2018

Accepted: 29 Januari 2019